



29 OCT, 2021

RM10 juta perkasa sistem pemasaran PPNS

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

RM10 juta perkasa sistem pemasaran PPNS

KUCHING: Kerajaan Sarawak memperuntukkan sejumlah RM10 juta untuk Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) memperkasakan sistem pemasarannya, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Beliau yang juga Menteri Permodalan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Negeri berkata, sistem pemasaran yang moden dan canggih ini adalah penting dalam usaha untuk memasarkan produk tempatan agar melangkaui pasaran antarabangsa.

"Di sini, kita (Kerajaan Negeri) memberi tugas kepada PPNS untuk merangka mekanisma dan sistemnya dengan bantuan Lembaga Pemasaran Pert-

anian Persekutuan (FAMA) dan saya yakin pelaksanaannya akan (membolehkan PPNS) menembusi pasaran antarabangsa.

"Kita (Sarawak) mempunyai banyak produk, kita mesti pastikan ia memasuki pasaran, mesti ada satu produk yang kompetitif, dapat bersaing dengan produk-produk tempat yang lain.

"Dengan permulaan ini, kita dapat meneruskan usaha serta mencari jalan bagaimana kita dapat meningkatkan pendapatan petani-petani kita di Sarawak," katanya kepada media selepas melawat gerai-gerai jualan Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan My Rakyat, selain melancarkan Peladangan eShop di Canaan Square di sini.

Sementara itu, Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, usaha kini giat dilaksanakan untuk menaik taraf pasar tamu di seluruh negara untuk membantu menaikkan lagi jualan petani.

"Setakat ini, pasar tamu yang telah dinaik taraf (di Sarawak) adalah di Bau, Siburan, Samarahan dan Sebuyau, manakala di Bekenu (di Miri) sedang dalam pelaksanaan. Setelah menaik taraf pasar tamu itu, kita dapati berlaku peningkatan dari segi jualan petani kepada sekitar 30 peratus," katanya.

Zainal berkata, dengan pembukaan semua cawangan FAMA tahun ini yang merangkumi pasar tamu dan pasar segar, nilai jualan petani dijangka akan meningkat kepada RM900 juta menjelang akhir tahun ini.

Dalam pada itu, PPNS dalam kenyataan media sempena majlis itu berkata Peladangan eShop ini ditubuhkan sebagai pusat pengumpul produk tempatan, tempat pemrosesan dan pembungkusan, penyimpanan dan pengambilan barangan yang dibeli dalam talian, dan jualan langsung.

Sejumlah 150 barangan dan hasil tani yang segar boleh didapati di Peladangan eShop seperti makanan laut, makanan kering, buah-buahan dan sayur-sayuran. — Bernama



LAWATAN... Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas melihat hasil jualan semasa melawat ke pasar semasa merasmikan Program Jualan Terus dari Ladang (JTDL) Dan MYRakyat di Canaan Square, Kuching, semalam. •Foto ANDRE OLIVEIRO.



29 OCT, 2021

RM10 juta perkasa sistem pemasaran PPNS

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Kerajaan Sarawak memperuntukkan sejumlah RM10 juta untuk Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) memperkasakan sistem pemOsarannya, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Beliau yang juga Menteri Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Negeri berkata, sistem pemasaran yang moden dan canggih ini adalah penting dalam usaha untuk memasarkan produk tempatan agar melangkaui pasaran antarabangsa.